

DATE: 25 / 08 / 2007

Perjuangan bapa PM dibukukan

Kandungan ingatkan generasi muda pahit getir perjuangan pemimpin terdahulu

Oleh Amirullah Andi Nur

KUALA LUMPUR: Buku mengenai sejarah perjuangan bapa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika bergiat aktif dalam Pergerakan Perikatan Pemuda Umno antara 1951 hingga 1964 di lancarkan di sini, semalam.

Pelancaran buku berjudul *Lilin Membakar Diri - Analitikal Pimpinan Pemuda: Ahmad Badawi Abdullah Fahim* disempurnakan Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad.

Kandungan buku ini antara lain menyentuh mengenai pembabitan Ahmad Badawi dalam Pergerakan Perikatan Pemuda Umno (sekarang dikenali Pemuda Umno), khususnya ketika menjadi Naib Ketua dalam

“Buku ini sangat penting kerana membantu kita mengetahui sumbangan besar pemimpin terdahulu”

Radzi Sheikh Ahmad
Setiausaha Agung Umno

membebaskan Malaya daripada belenggu penjajahan.

Ia turut memaparkan mengenai perjuangan bangsa dalam gerakan nasionalisme, selain corak kepimpinan Pemuda Umno ketika zaman Tun Sardon Jubir selaku Ketua dan Ahmad Badawi sebagai Naib Ketua.

Idea bagi menerbitkan buku setebal 232 halaman ini dicetuskan bekas Ahli Parlimen Jelebu merangkap Pegawai Khas Radzi, Datuk Yunus Rahmat, manakala penulisannya dilakukan Dharmala N S.

Penerbitan buku ini bersempena sambutan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara tahun ini.

Radzi yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam ucapannya memuji penghasilan buku itu kerana dapat mengingatkan masyarakat negara ini, khususnya generasi muda terhadap jasa perjuangan pemimpin terdahulu.

“Buku ini sangat penting kerana membantu kita mengetahui sumbangan besar pemimpin terdahulu seperti Ahmad Badawi dalam membebaskan negara daripada penjajah yang mungkin tidak pernah disiar dalam mana-mana penerbitan.

“Kita harap rakyat negara ini, terutama generasi muda akan membaca buku ini dan sekali gus memahami serta menghargai jasa pemimpin seperti Ahmad Badawi,” katanya.



IMBAU PERJUANGAN: Dharmala N S menunjukkan buku berjudul Lilin Membakar Diri - Analitikal Pimpinan Pemuda: Ahmad Badawi Abdullah Fahim yang dilancarkan Radzi, di Kuala Lumpur, semalam.